

AMALAN ETIKA ISLAM DALAM KALANGAN PERUNDING HARTANAH

Muhammed Fauzi Bin Othman^{a1}, Hazimah Hazirah^{a2}, Mohd Azhar Abd Hamid^{a3}, Mohd Koharuddin Mohd Balwi^{a4}, Mohd Nasir Markom^{a5}, Mohd Zaliridzal Zakaria^{b1*}

*corresponding author

a Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bharu, Johor

b Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bdr. Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan zaliridzal@usim.edu.my

Abstrak

Integriti dan etika adalah asas kepada profesionalisme dan salah satu dari kompetensi utama dalam pekerjaan (Marr, 2007). Tambahan pula sebagai seorang Muslim, integriti dan etika atau akhlak merupakan asas kepada ajaran Nabi Muhammad SAW sepertimana dalam hadis riwayat Imam al Bukhari. Para sarjana seperti Quirrez dan Idian (2018) dan Mohd Koharuddin (2015) mendakwa bahawa etika dan integriti mampu mempertingkatkan kecekapan dan kecekatan kakitangan serta membawa kepada peningkatan produktiviti. Untuk tujuan itu, suatu kajian telah dilaksanakan bagi mengkaji kefahaman dan pelaksanaan amalan etika kerja dalam kalangan Perunding Hartanah di Johor Bahru. Kajian juga ingin meneroka nilai etika sebenar dan cabaran yang dihadapi dalam mengamalkan etika dan membentuk diri agar menjadi Perunding Hartanah yang lebih berintegriti dan berjaya. Selain daripada itu, ia cuba merungkaikan kefahaman para responden dari dua perspektif iaitu; prinsip etika kerja, dan etika kerja Islam. Kaedah temu bual separa berstruktur telah digunakan dan pemerhatian libat-serta pengkaji sebagai sumber primer untuk mendapatkan data kajian. Sepuluh orang responden telah ditemubual dari tiga buah organisasi hartanah berdaftar di daerah Johor Bahru. Kesemua data temu bual yang diperolehi ditafsirkan kepada transkrip dan dianalisis oleh pengkaji dengan melaksanakan analisis tematik. Kajian mendapati bahawa konsep amanah, kejujuran dan ketelusan, bertanggungjawab, profesionalisme, perpaduan, bekerjasama dan bertolak ansur

sebagai asas pembentukan integriti dalam kalangan Perunding Hartanah. Sementara itu, kepercayaan, keselesaan, rekomendasi, reputasi serta memudahkan urusan kerja dilihat sebagai beberapa kualiti etika yang boleh membantu dalam melahirkan Perunding Hartanah yang berwibawa dan profesional.

Kata kunci: “*etika kerja*”, “*etika kerja Islam*”, “*Perunding Hartanah*”

Abstract

Integrity and ethics were seen to enhance professionalism and as an important competency in discharging one’s job (Marr, 2007). In addition, as a Muslim, integrity and ethics forms the basis of the Islamic teachings of the Prophet Muhammad SAW as mentioned in a famous hadith by Bukhari. Scholars such as Quirrez and Idian (2018); and Mohd Koharuddin (2015) has argued that ethics and integrity could enhance efficiency and competency and bring higher productivity. This study is entitled “Ethical Practices among Real Estate Consultants in Johor Bahru”. It was aimed to investigate the implementation of work ethic practices among Real Estate Consultants in Johor Bahru. The researcher was also interested to explore the real ethical values and challenges faced among respondents while performing their duties. The study also follows the principles of conventional work ethics and Islamic work ethics as a framework. Semi structure interviews and participative observation we used to obtain the data. Ten respondents were selected from three registered real estate organizations in the Johor Bahru district. Interviews were conducted in all three organizations and the researcher also made participative observations around the organizations. Transcription of data were done and analyzed by using thematic analysis. The study found that the concepts of trustworthiness, honesty, transparency, responsibility, professionalism unity, cooperation and tolerance were critical in the formation of an ethical practice among realty consultants. On the ohter hand, trust, comfort, recommendation and reputation as well as fascilitation were seen as important qualities in developing a professional and accountable real estate consultant.

Keywords: Work Ethics, Islamic Work Ethics, Real Estate Consultant

LATAR BELAKANG KAJIAN

Nilai dan etika adalah perkara yang sangat kritikal pada masa zaman yang serba canggih ini. Akibat dari kemajuan pasca modernisme yang menguasai dunia kini, etika dan sains kerap menghadapi pertembungan (Briggs, 2012). Kehilangan etika dalam kalangan pekerja dan masyarakat boleh membawa kemusnahan dan kerosakan kepada sistem dan produk (Mohd Janib, 2001). Justeru, peningkatan kesedaran dan penghayatan etika amatlah penting pertingkatkan dan dipertahankan. Namun setiap individu mempunyai fahaman dan pandangan tersendiri terhadap amalan etika yang dipraktikkan. Permulaan abad moden dan perkembangan ekonomi yang pesat masa kini menyebabkan etika dan nilai kurang diberikan penekanan. Sebenarnya, persekitaran perniagaan haruslah menekankan penghayatan etika agar organisasi perniagaan mahupun industri pengeluaran bebas dari salahlaku dan pengkhianatan (Whitemore, 2005). Pada masa kini, kebanyakan anggota masyarakat lebih mementingkan nilai keduniaan dan kepentingan diri justeru kadangkala meninggalkan etika, integriti, keagamaan dan kemoralan. Bagaimanapun, penghayatan etika ini kelihatan agak mencabar terutamanya dalam zaman serba canggih ini. Banyak cabaran dan halangan yang dihadapi bagi mempertahankan kesedaran dan penghayatan etika dalam semua aspek kehidupan termasuk vokasional dan pekerjaan (Bibiana Manggai, 2018). Justeru beberapa permasalahan kajian telah dikenal pasti dalam kajian ini. Ia adalah untuk meneroka kesedaran dan penghayatan nilai dan etika kerja yang diamalkan dan dilaksanakan dalam industri hartanah di Johor Bahru. Persoalan kajian adalah seperti di bawah:

1. Apakah konsep etika dalam pemahaman para Perunding Hartanah di Johor Bahru?

2. Apakah cabaran dalam pematuhan etika dalam kalangan Perunding Hartanah?
3. Apakah kesan pematuhan etika kepada pelaksanaan tugas seorang Perunding Hartanah?

Tingkah laku tidak bermoral seperti pecah amanah, penipuan pengiklanan, tidak jujur seperti menipu, mungkir janji, layanan kurang memuaskan terhadap klien kerap kali dikaitkan dengan peniaga dan perunding. Berikutan masalah yang dihadapi, pengkaji berharap konsep etika yang diamalkan dalam kalangan Perunding Hartanah dapat difahami fenomenanya dan penghayatan etika dapat dipertingkatkan.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Etika

Etika atau '*ethica*' daripada perkataan latin ialah satu cabang utama dalam bidang falsafah merujuk kepada kelakuan yang betul dan kehidupan yang baik. '*Ethos*' adalah perkataan Greek bermaksud perangai, nilai atau sesuatu yang berkaitan dengan sikap manusia. Etika di dalam perkataan latin pula adalah '*mores*' bermaksud moral atau perangai. Justifikasinya etika ditakrifkan sebagai ukuran atau piawaian untuk mengukur tindakan yang dilakukan individu atau seseorang sama ada tindakan yang betul atau salah atau baik atau buruk. Etika dianggap hanya suatu analisis tindakan yang betul atau salah tetapi sebenarnya liputan etika adalah lebih luas. Tetapi dapatlah kita simpulkan bahawa etika bermaksud perlakuan yang baik, yang menepati nilai-nilai dan norma yang dianuti oleh sekelompok manusia (Mohd Koharudin, 2021).

Etika Menurut Perspektif Barat

Aristotle (382 S.M) menegaskan bahawa mempraktikkan teori keperibadian mulia dalam setiap urusan seharian merupakan suatu keperluan insan. Konsep '*the golden mean*' amat ditekankan oleh ahli falsafah dari Barat. Ia membawa maksud melihat

kebaikan pada keadaan keseimbangan antara keinginan, di mana tindakan atau kelakuan yang dilakukan tidak berlebihan. Setiap manusia mempunyai nilai jati diri yang dianggap sebagai moral secara umumnya. Jika dilihat dari sudut lain, setiap manusia pasti mempunyai pelbagai pemahaman dan timbul percanggahan nilai berdasarkan adab, agama dan bangsa. Pelbagai tafsiran berkaitan nilai dan etika dari perspektif Barat (Birsch, 2013). Nilai dan etika sering dilihat dari perspektif berbeza. Malah dalam kalangan ahli falsafah terkenal juga menghasilkan pelbagai perdebatan berkaitan etika, tentang tafsirannya, keperluan dan kegunaannya. Etika merupakan topik yang sering menjadi perbualan dan perbincangan sehingga masa kini.

Teori Etika Menurut Perspektif Barat

Walaupun begitu, dalam konteks kajian ini, pengkaji menfokuskan kepada tiga teori etika Barat iaitu *Teleologi*, *Deontologi* dan *Virtuous*. Menurut Graham dan Luce III (2004), teori etika teleologi adalah nilai “betul” atau “salah” yang berdasarkan kepada kesan sesuatu perbuatan. Ini bermaksud, perbandingan antara baik dan buruk, betul dan salah akan dinilai atas kesan dan keputusan terakhir sesuatu tingkah laku itu (Mohammad Maiwan, 2018). Jika sesuatu perlakuan itu akan datang mendatangkan hasil yang baik, meskipun kaedah mencapainya agak kontroversi, maka ianya dapat diterima sebagai sesuatu yang beretika.

Etika teleologi, (teleologi dari *telos* Bahasa Yunani, bermaksud "akhir"; sementara logo, "sains"), adalah suatu teori moral yang memperoleh kewajipan atau kewajiban moral dari apa yang baik di akhir sesuatu perlakuan atau yang diinginkan sebagai tujuan yang ingin dicapai itu adalah baik. Juga dikenal sebagai etika konsekuensialis, ianya berlawanan dengan konsep etika deontologi (dari *deon* Bahasa Yunani, berarti "kewajipan"), yang menyatakan bahawa piawaian asas untuk tindakan yang benar secara moral bebas dari kebaikan atau kejahatan yang dihasilkan. Etika moden, terutama sejak ahli falsafah deontologi Jerman Immanuel Kant abad ke-18, telah dibahagikan secara mendalam antara bentuk etika teleologi (*utilitarianisme*) dan teori deontologi.

Teori-teori teleologi berbeza-beza mengenai sifat akhir yang harus dipromosikan oleh tindakan. Teori Eudaemonist (*eudaimonia* Bahasa Yunani, yang bermaksud "kebahagiaan"), yang menyatakan bahawa etika terdiri dalam beberapa fungsi atau aktiviti yang sesuai dengan manusia sebagai manusia, cenderung menekankan pemupukan kebajikan atau keunggulan dalam agen sebagai akhir dari semua tindakan. Ini boleh menjadi kebajikan klasik seperti- keberanian, kesederhanaan, keadilan, dan kebijaksanaan - yang mempromosikan idealistic Yunani manusia sebagai "binatang rasional"; atau kebajikan teologi — kepercayaan, harapan, dan cinta — yang membezakan cita-cita Kristian manusia sebagai makhluk yang diciptakan menurut gambar Tuhan (Copp, 2007).

Dian Wicaksono et.al. (2018) meringkaskan teori *utilitarianism* sebagai berasal dari kata Latin *utilis*, yang kemudian menjadi utiliti perkataan Inggeris yang bermaksud berguna. Egoisme etika merujuk kepada kepentingan individu, manakala utilitarianisme merujuk kepada kepentingan massa atau ramai orang. Espen Gamlund (2012) menyatakan Jeremy Bentham ahli falsafah utilitarianisme mempunyai slogan iaitu “perbuatan atau tindakan yang betul menghasilkan kebahagiaan terbesar dan melibatkan jumlah yang besar iaitu majoriti pihak yang terlibat”. Teori egoisme pula menegaskan bahawa tindakan yang betul adalah tindakan yang membawa kebaikan kepada diri sendiri.

Seterusnya ialah teori Deontologi pula dilihat seolah-olah bertentangan dengan teori Teleologi. Berdasarkan teori ini, akibat atau kesan dari tindakan seseorang bukanlah keutamaan. Sifat perlakuan atau ciri-ciri peraturan adalah lebih penting (Bircsh, 2013). Prinsip moral dan kewajipan moral yang bernilai intrinsik berlandaskan kepada sesuatu perlakuan sama ada baik atau buruk, benar atau salah. Sehubungan dengan itu, kewajipan dan peraturan moral perlu difahami sebelum memilih untuk melakukan apa-apa tindakan moral yang betul. Prinsip Kewajipan ialah suatu pelaksanaan tanggungjawab semata-mata. Mohammad Maiwan (2018) menyatakan tindakan bermoral atau tidak adalah berdasarkan tanggungjawab. Dengan erti kata lain, tanggungjawab merupakan satu nilai utama yang menentukannya. Pilihan individu secara bebas berdasarkan nilai yang baik atau buruk merupakan Prinsip Eksistensialisme.

Peraturan dan prinsip kemoralan adalah terlalu abstrak, subjektif dan berubah-ubah menurut Sartre, beliau seorang ahli falsafah Perancis (Copp, 2007). Tambahan lagi, beliau menyatakan tiada sebarang peraturan yang boleh digunakan oleh seseorang manusia untuk menentukan tindakan bermoral. Pilihan dan tindakan yang dilakukan adalah tanggungjawab manusia itu sendiri.

Teori Kemoralan Sosial dan Keperibadian Mulia atau *virtue theory* diasaskan oleh Thomas Hobbes, Emile Durkheim (Mohd Janib, 2001). Menurutnyanya lagi, moral dan etika menfokuskan kepada masyarakat yang mengamalkan diri dengan peraturan, tatasusila, adat dan hukuman. Tradisi, norma, kebiasaan, adat, kod, nilai, pantang larang merupakan peraturan masyarakat. Keperibadian, sifat kelakuan dan ciri watak yang mulia mempunyai kaitan dengan etika berdasarkan teori Keperibadian Mulia (*virtue*). Pembentukan akhlak mulia dan terbaik merupakan usaha untuk mengembangkan moral dan etika, bukan kepatuhan kepada peraturan masyarakat (Brisch, 2013). Secara umumnya, teori-toeri Barat kini tertumpu kepada penjelasan etika dari tuntutan masyarakat, atau pekerjaan dan tugas seseorang. Sesuatu itu dipandang beretika jika ianya mendatangkan kebaikan kepada masyarakat atau dirinya, ataupun ianya perlu dilaksanakan atas dasar tugas dan tanggungjawab seseorang. Sebab itulah, walaupun seseorang itu melakukan tingkahlaku beretika, dan dia dipuji masyarakat, kita sering mendengar jawapan "*I am just doing my job*" (saya hanyalah melaksanakan tugas saya) atau "*it is just business, nothing personal*" (ianya hanyalah urusan perniagaan dan bukanlah peribadi) dan inilah titik tolaknya etika Barat itu berlainan dengan prinsip-prinsip etika Islam yang memasukkan elemen rabbaniyyah (ketuhanan) dan pembalasan akhirat. (Sharifah Hayati, 2010)

Perbincangan Etika Menurut Perspektif Islam

Seperti yang dibincangkan di atas tadi, dalam Islam, etika dan akhlak merupakan intipati utama dalam ajarannya (Samir Ahmad, 2009). Islam mengajar manusia bahawa etika merupakan nilai terutama sama ada seseorang itu akan berbahagia atau

berduka-cita di dunia dan di akhirat. Konsep etika Islam terikat dengan konsep redha (kepada Allah dan diredhai Allah), syukur dan sabar. Ia juga berkait rapat dengan konsep taqwa. Islam juga mengajar bahawa taqwa merupakan kriteria utama seseorang itu mendapat redha Allah SWT atau tidak, dalam al Quran, surah al Hujurat: ayat 13 Allah SWT berfirman:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَّجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاۤىِٕلَ
لِيَتَعَارَفُوْۤا اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ خَبِيْرٌ ﴿١٣﴾

Bermaksud: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Justeru dapatlah diambil pengajaran bahawa sifat dan sikap taqwa seseorang itulah yang menjadi asas akhlaknya (kod etika) dalam Islam, dan ianya dilaksanakan demi keredhaan Allah SWT, barulah sebab-sebab yang lain seperti *masalah ammah* (kebaikan umum) mahupun *taklif* (tanggungjawab). Mohd. Faizal et.al. (2014) istilah yang tepat berkenaan etika seorang Muslim ialah akhlak. Akhlak merupakan sifat terpuji yang dihasilkan oleh jiwa manusia merujuk kepada watak dan perwatakan, sifat dan kelakuan manusia. Selain itu, sifat semula jadi yang tertanam dalam diri manusia juga dijelaskan sebagai akhlak. Hal ini kerana akhlak manusia mempunyai kombinasi antara unsur kerohanian dan fizikal untuk membentuk etika seorang Muslim. Islam suatu agama yang lengkap, menggariskan pelbagai panduan kepada umatnya untuk mencapai kebahagiaan tertinggi dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Malah Islam juga lebih awal memberikan

panduan berkaitan etika dan kelakuan manusia yang dikenali sebagai adab dan akhlak pada setiap aspek supaya umatnya tidak berpecah belah dan sentiasa bekerjasama serta hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Akhlak merupakan panduan moral dan etika bagi masyarakat Islam berdasarkan Wahyu Ilahi kemudian menggunakan anugerah akal untuk berfikir. Taklukkan manusia berpandukan kepada ajaran agama merupakan tumpuan moral dan etika (Ainuddin Bin Mohd Isa, 2018).

Tambahan pula, etika Islam bersifat universal dan komprehensif serta penerimaan seluruh manusia di setiap tempat dan masa serta dalam segala bidang. Hukum halal haram, pahala dosa dikaitkan dengan etika Islam. Konsep ibadah dan konsep matlamat tidak menghalalkan cara juga tertakluk kepada etika Islam. Menurut Leny Novianti (2010) etika Islam adalah bersumberkan firman Allah SWT iaitu melalui al-Quran dan Hadis. Etika Islam juga merujuk kehidupan Nabi Muhamad SAW sebagai contoh tauladan hidup beretika. Kehidupan Rasulullah SAW yang tercatat sebagai sirah nabawiyah adalah rekod dari berates ribu hadis yang dijadikan panduan hidup etika seorang Muslim. Peraturan dan undang-undang juga harus diambil dari kedua sumber tersebut dan tafsiran para ulamak agar ianya bersifat konsisten dan sesuai dengan kehendak asal maqasid syariah. Ianya dijadikan sebagai panduan untuk hidup dan berkelakuan beretika seperti ditetapkan oleh Allah SWT. Tambahannya lagi, etika berbentuk syari'ah yang terdiri dari Al-Quran, hadis, 'ijma dan qiyas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah dampak fenomenologi. Pengkaji telah cuba berusaha untuk mendalami dan memaknakan pengalaman para responden. Kaedah temubual telah dilaksanakan dengan menggunakan temubual separa berstruktur. Di samping itu, pengkaji telah menggunakan teknik pemerhatian libat-serta bagi memahami persoalan kajian yang telah ditetapkan. Ekoran daripada itu, interaksi dalam situasi dan keadaan yang berlaku telah dapat difahami oleh pengkaji.

Kriteria atau ciri-ciri responden kajian ini ialah berpengetahuan, berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun, terdiri daripada lelaki dan perempuan yang mana bilangannya hampir sama banyak, mempunyai tahap jualan yang tinggi, terdiri daripada Perunding Hartanah yang beragama Islam dan beroperasi di daerah Johor Bahru. Hal ini kerana daerah Johor Bahru merupakan daerah paling utama dalam Negeri Johor dan daerah yang paling aktif kegiatan hartanahnya. Responden yang dipilih adalah daripada Agensi Hartanah Berdaftar di daerah Johor Bahru. Agensi yang dipilih adalah agensi sederhana besarnya yang mempunyai sekurang-kurangnya 40 Perunding Hartanah yang berdaftar dan terdiri daripada pelbagai kaum. Populasi bagi kajian ini berjumlah 300 orang hasil dari persamplean bertujuan, 3 orang daripada Agensi Hartanah Hectarworld Realty Johor Sdn Bhd, 4 orang daripada One Dream Realty Sdn Bhd dan 3 orang daripada IW Properties Johor Bahru Sdn Bhd telah terpilih. Hasil temubual telah ditranskripsikan. Kemudian analisis tema telah dilaksanakan yang menghasilkan beberapa tema dan sub tema. Di samping itu, nota dari pemerhatian digunakan dalam memahami data temubual yang telah dianalisis.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Syarikat yang terlibat ialah One Dream Realty Sdn Bhd, Hectarworld Realty (Johor) Sdn Bhd dan IW Property Sdn Bhd. Responden yang dipilih adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Responden terdiri daripada tujuh orang lelaki dan tiga orang perempuan. Lingkungan usia responden yang dipilih adalah 25 tahun hingga 36 tahun. Lima daripada mereka berstatus bujang dan lima lagi sudah berkahwin serta berkeluarga. Responden yang dipilih merupakan Perunding Hartanah 'senior' yang tempoh perkhidmatan mereka mestilah lebih dari 3 tahun. Perunding Hartanah 'senior' mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja yang lama dan dianggap matang di dalam industri hartanah. Perunding Hartanah menjana pendapatan yang tinggi iaitu antara RM3,000 hingga RM15,000 sebulan. Responden

kajian ini telah dilabelkan oleh pengkaji dengan kod rujukan iaitu PH1, PH2, PH3, PH4, PH5, PH6, PH7, PH8, PH9, PH9 dan PH10 untuk menjaga etika kerahsiaan dalam kajian ini.

Analisa Dapatan Kajian

Analisa daripada dapatan kajian ini merujuk kepada objektif kajian yang pertama dan kedua iaitu meneroka pemahaman konsep etika serta pematuhannya dalam kalangan para Perunding Hartanah di daerah Johor Bahru.

Pemahaman Konsep Etika Dan Pematuhan Etika dalam Kalangan Perunding Hartanah

Analisa daripada dapatan kajian ini merujuk kepada objektif kajian yang pertama dan kedua iaitu meneroka pemahaman konsep etika serta pematuhannya dalam kalangan para Perunding Hartanah di daerah Johor Bahru. Berdasarkan kepada pemahaman dan pematuhan tentang konsep etika ini, pengkaji telah menemui beberapa tema. Tema-temanya adalah seperti berikut:

1. Amanah
2. Kejujuran dan ketelusan
3. Bertanggungjawab
4. Profesional
5. Perpaduan, bekerjasama dan bertolak ansur.

Amanah

Amanah adalah suatu nilai etika yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia, setiap manusia diberi tanggungjawab dan kuasa terhadap urusan seharian mereka. Dapatan kajian temu bual mendapati amanah merupakan amalan etika paling penting yang difahami dalam kalangan responden. Para responden menerangkan bahawa sikap kerja amanah sebagai Perunding Hartanah amatlah perlu memandangkan kerjaya ini menguruskan wang yang berjumlah besar. Menurut pemahaman PH1 amanah ialah sebuah kewajipan yang telah dipertanggungjawabkan oleh pelanggan untuk ditunaikan. Para

Perunding Hartanah haruslah amanah terhadap transaksi yang akan dilakukan semasa berurusaniaga.

“Saya dari first saya masuk sampai sekarang yang paling saya pentingkan ialah kejujuran then amanah.” (PH1)

PH3 pula mengaitkan amanah dengan transaksi yang dilakukan setiap hari. Sikap amanah harus dilaksanakan secara konsisten dan jika dicuaikan akan memberi kesan jangka panjang yang tidak menyenangkan.

“Macam saya, setiap kali klien bayar atau saya dapat payment dari customer saya akan settlekan atau agihkan duit itu secepat mungkin supaya saya tak terpakai dan saya terus serahkan kepada pihak owner ataupun company supaya saya tidak menggunakan wang itu. That’s why kita perlu amanah, jujur untuk salurkan duit tu kepada pihak yang sepatutnya secepat mungkin. Supaya tak ada benda-benda yang berlaku diluar jangkauan kita.”

Tambahan lagi, menurut PH5 sifat amanah adalah etika yang paling dititik beratkan dalam syarikat mereka. Bukan itu sahaja malahan PH5 beranggapan bahawa sikap amanah ini berkait rapat dengan keredhaan Allah SWT kepada seseorang.

“Hartanah ni kita perlu jujur, amanah dan positif. Sebabnya kalau kita tak jujur akan jadi buruk kesannya terhadap diri kita. Kesan jangka panjang susah untuk kita.” Ini menunjukkan responden menyedari akan kesan-kesan amanah terhadap kerjaya mereka. Tambah PH5 lagi “Bila kita jujur, amanah dan telus inshAllah kita akan dapat keredhaan dari Allah.”

Sungguhpun begitu, PH8 mengaitkan amanah sebagai ajaran yang dipupuk oleh agama Islam dan tujuan amanah adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

“Ya, saya percaya kerana dalam Islam sendiri telah mengajar kita sebagai umat haruslah amanah, jujur dari segala tindakan agar mendapat keredhaan untuk bahagia di dunia dan di akhirat.”PH5

Maka dapatlah kita perhatikan bahawa siakp beramanah amat diperlukan sebagai kod etika utama dalam profesion seorang Perunding Hartanah. Sikap ini diikuti oleh sikap kejujuran dan ketelusan.

Kejujuran dan Ketelusan

Selain dari sikap beramanah, para responden juga menekankan sikap kejujuran dan ketelusan. Kejujuran pula didefinisikan sebagai perlakuan yang benar dari segi perkataan atau perbuatan iaitu tiada penipuan dalam bentuk pernyataan lisan, tingkahlaku atau perbuatan dalam pekerjaan yang dilakukan. Pemahaman konsep kejujuran oleh para responden ialah berlaku jujur samasa melaksanakan apa-apa transaksi berkaitan wang ringgit. Pemahaman konsep jujur yang beliau maksudkan ialah transaksi yang dilakukan tanpa ada unsur-unsur penipuan. Seterusnya, berdasarkan kepada respons ketika temu bual contohnya:

“Saya dari first saya masuk sampai sekarang yang paling saya pentingkan ialah kejujuran then amanah.” PH1

“Kena jujur, amanah. Contoh macam kita kena jaga customer. So kita kena macam mana susah atau banyak cekadak sekalipun kita kena layan dengan sebaik-baiknya.” PH2

Justeru, sikap amanah, jujur dan telus ini dikaitkan dengan keperluan pelanggan dan sikap professional seorang Perunding Hartanah terhadap pelanggan. Selain dari itu, ia juga menggambarkan kepatuhan seorang Muslim terhadap ajaran Islam seperti dinyatakan PH4 dan PH5 di bawah:

“Mestilah. Salah satunya sebab kita seorang Islam dan muslim. Apa yang kita terapkan dalam agama kita, jika kita berniaga kita kena jujur, amanah, jangan menipu sebab kesan-kesannya akan jadi lebih baik. Bila kita buat sesuatu seperti pecah amanah kesannya akan jadi tak baik. Dalam agama sendiri ada menerapkan perkara sebegitu, jadi kita kena ikut.” PH4

“Hartanah ni kita perlu jujur, amanah dan positif. Sebabnya kalau kita tak jujur akan jadi buruk kesannya terhadap diri kita. Kesan jangka panjang susah untuk kita. Zaman viral sekarang ni, salah sikit je akan jadi isu. Jadi kena fikirkan apa yang kita buat. Tindakan kita perlu ikut rules dari LPPEH. (Lembaga Pentaksir). Sebagai agen hartanah mesti tahu itu semua.” PH5

Sikap jujur, amanah dan telus dilihat seolah-oleh serangkai dan memberikan kesan bukan sahaja kepada individu Perunding Hartanah akan tetapi juga sebagai pembentukan imej para Perunding Hartanah kepada para pelanggan, pihak berkuasa seperti Lembaga Pentaksir dan sebagainya. Ini menyebabkan siakp etika ini menjadi sangat penting kepada para Perunding Hartanah selain dari menzahirkan keperibadian Muslim mereka, ia juga membentuk persepsi umum ke atas mereka. Ini juga akan membentuk sikap bertanggungjawab seperti dapatan seterusnya.

Bertanggungjawab

Kerjaya sebagai Perunding Hartanah memerlukan seorang yang boleh dipercayai dari segi melaksanakan tugas. Seorang yang bertanggungjawab akan bekerja dengan sepenuh hati dalam

bidang Hartanah kerana bidang ini tidak mempunyai gaji yang tetap. Sifat bertanggungjawab ini akan membantu Perunding Hartanah untuk mengembangkan lagi kerjayanya. Antaranya ialah konsep menepati masa. Menepati masa merupakan salah satu daripada tanggungjawab sebagai Perunding Hartanah. Manakala tanggungjawab yang lain pula berkaitan dengan komitmen terhadap kerja. Jika seseorang Perunding Hartanah komited dengan pekerjaannya, maka dia adalah seorang yang bertanggungjawab terhadap kerja dan kerjayanya. Ini termasuk melaksanakan kerja dengan berdisiplin.

“Contohnya customer menggunakan khidmat kita, so saya layan dia bawak sampai ke enam rumah, walaupun saya penat yang penting customer happy. Kita boleh layankan dia, bawa dia view sampai enam rumah. So kat situ kesannya dia selesa dengan kita, dia percayakan kita dan trust kita berkhidmat untuk dia. Pernah juga tak close sales bawa customer. Tapi tanggungjawab kita, kita jaga dia lah. Maksudnya bila saya dah usaha dan juga dah beretika dengan baik dengan customer tu, eventhough tak close sales, tetapi masih ada relationship yang baik dengan customer. PH2

“Perunding Hartanah yang beretika, mestilah berdisiplin, komited dan bertanggungjawab terhadap kerja.”

“In case macam seseorang ni miscommunication dengan owner / tenant, agen yang akan membantu untuk menyelesaikan permasalahan ini. Agen yang dedikasi dan bertanggungjawab akan membantu mereka.” PH4

Jelas sikap dedikasi, bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh amat dipentingkan oleh para responden. Mereka harus bertanggungjawab melayani para pelanggan meskipun belum tahu dapat membuat jualan. Sikap ini dilihat akan memberikan kesan yang positif pada jangka panjang.

“Ya semestinya. Sebab kita positif, bertanggungjawab, komited terhadap kerja pasti memberikan kesan yang lebih baik.” PH5

“Amanah, berbudi bahasa dan bertanggungjawab. Ketiga bertanggungjawab dalam transaksi kita serah duit secepat mungkin pada klien kita. Itu yang dimaksudkan dengan bertanggungjawab terhadap duit yang diamanahkan.” PH9

Sikap bertanggungjawab dalam kalangan para Perunding Hartanah juga akan membentuk sikap yang professional. Ini dapat kita lihat dalam respon mereka seterusnya.

Profesional

Konsep etika profesional digunakan untuk mengawal tingkahlaku ahli profesional kerana statusnya sebagai profesional. Salah satu etika profesional adalah dari segi kod pemakaian dan nilai-nilai lain yang berkaitan dengan etika profesional. Kod pemakaian juga menunjukkan tahap profesionalisme seorang Perunding Hartanah. Ini diakui oleh responden PH1 yang menunjukkan pemahaman beliau berkaitan kod etika pemakaian yang harus dipatuhi iaitu

“...kena sentiasa kemas sebab kita consider as professional punya bidang.”

PH1 juga menerangkan bahawa setiap perbualan atau perbincangan yang dilakukan bersama pelanggan haruslah secara profesional dengan menggunakan tutur kata yang bersopan santun.

“Selain itu ada, macam daripada segi perbualan dengan customer company tak galakkan terlampau, atleast kena professional. The way kita bercakap, bersopan santun.”PH1

Pandangan PH1 ini dikongsi oleh beberapa responden lain yang mengaitkan profesionalisme kepada tahap kepercayaan para pelanggan dan menjaga tahap pemasaran mereka.

“...kita perlu ada etika berpakaian yang profesional supaya client atau tenant atau owner akan lebih percaya kepada kita.” PH3

“...yang kedua berpakaian kemas. Berpakaian kemas juga adalah salah satu benda yang penting juga untuk mereka nampak kita dan percayakan kita. Kita akan nampak lebih profesional.”PH10

Perpaduan, Bekerjasama dan Bertolak Ansur

Perpaduan adalah memelihara kesepaduan dalam masyarakat sementara bekerjasama pula melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bersama-sama. Hal ini memerlukan sikap bertolak ansur dan saling memahami, memaafkan dan berlebihi-kurang (Shawki, 2018). Tiga nilai ini saling berkait rapat.

Para responden bersetuju dan menyatakan bahawa kerjasama dan perpaduan adalah amat penting di antara rakan sekerja dan pelanggan bidang hartanah daripada pelbagai bangsa dan agama. Ketiga-tiga syarikat yang terlibat di dalam kajian ini sangat menitik beratkan perpaduan, bekerjasama dan bertolak ansur. Dengan kerjasama ini, tugas yang berat dapat diharungi dengan jayanya dan hasad dengki dapat dikurangkan. Ini jelas dalam respon di bawah:

“Selain mencari rezeki, kita juga perlukan semangat sepasukan dan menyatu padukan antara kaum-kaum yang lain dengan agama kita. Jadi mereka boleh melihat cara kita bekerja. Kalau kita ikut jalan yang betul mungkin akan rasa lebih selesa.”PH4

“Etika yang saya pegang adalah kerjasama dalam urusanniaga. Contohnya kalau saya pergi bawa orang tengok rumah, kawan-kawan sekerja saya akan ikut sama. Dalam masa saya nak close kan urusanniaga tu kawan-kawan sekerja saya akan tolong untuk closed kan kes itu.” PH6

“Di VF Group, memang ada etika tersendiri. VF Group merupakan company yang diasaskan oleh bangsa Cina dan terdapat pelbagai bangsa di dalam company ini jadi company ini mewujudkan perpaduan dalam kalangan staff sebab staff terdiri dari bangsa Melayu, India dan Cina. Bila kami berbilang bangsa, kami selalu bekerjasama.” PH10

Dalam pernyataan-pernyataan di atas, kita dapat melihat betapa pentingnya nilai kerjasama dan perpaduan. Ia bukan sahaja merupakan nilai murni yang menyerikan individu perunding hartanah bahkan ianya juga membawa kepada keharmonian dalam kerja dan membantu dalam integrasi antara kaum. Ini adalah sangat penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia ini.

Kesan Etika Dalam Kalangan Perunding Hartanah

Kesan dari pemahaman dan pematuhan etika ini telah membawa kepada beberapa kesan penting kepada keperibadian dan profesion Perunding Hartanah. Ini boleh diperhatikan seperti berikut:

(b) Membentuk kepercayaan

Penghayatan etika sangat penting dalam mengendalikan kehidupan supaya mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Para responden menyatakan bahawa di antara kesan utama jika seseorang Perunding Hartanah memelihara etikanya ialah mendapat kepercayaan. Ini boleh jadi kepercayaan dari pelanggan, rakan-rakan mahupun majikan. Menurut PH1 kesan kepada pematuhan etika ialah kepercayaan dari pelanggan yang membantu untuk memudahkan urusan bila kepercayaan dijana. Kepercayaan juga dapat mengelakkan masalah pada masa akan datang. Malahan jika beliau menganiaya pelanggan, beliau faham dan tahu kesannya akan menyebabkan kepercayaan dan imej beliau tercemar. Seterusnya PH2 pula menyatakan tindakan beretika itu mampu meningkatkan kepercayaan pelanggan kepada beliau. PH3 pula mendakwa, kesan perbuatan beretika akan dirasai oleh diri sendiri dan akan membantu diri sendiri untuk berjaya setelah mendapat kepercayaan dari pelanggan.

Seterusnya PH4 menyatakan kesan buruk kepada Perunding Hartanah yang tidak beretika adalah hilang kepercayaan terhadap Perunding Hartanah itu dan memberikan imej negatif kepada Perunding Hartanah lain.

“Jika kita beretika... pandangan customer pada kita pun dah lain. Maksudnya, kita boleh earn customer punya trust dan akan menyenangkan untuk berurusan bila orang dah percayakan kita. Sebab kita berniaga, kita offer servis. So paling penting is kepercayaan.”PH2

“Bila kita aniaya pelanggan automatik kita punya rezeki semua tak berkat and then bab trauma, disebabkan itu orang tak percaya pada agen dan dia akan rosakkan periuk nasi dia sendiri sebenarnya.”PH1

“Kesannya apabila beretika adalah untuk diri sendiri supaya kita lebih berjaya dan lebih mendapat kepercayaan daripada orang.”

“Bila orang / pelanggan dah bagi duit kat kita maksudnya dia dah meletakkan satu kepercayaan kat kita tapi bila kita tipu kita dah mengkhianati dia.”PH3

Kepercayaan sebagai kesan itu juga diikat dengan nilai-nilai mulia seperti amanah, jujur, bertanggungjawab dan sebagainya seperti yang telah dibincangkan di atas. Ini dapat dilihat dalam respon para responden seperti di bawah:

“Semestinya akan memberi kesan kepada seseorang jika kita tidak beretika. Maksudnya kita tak amanah, tak jujur dan kita tak bertanggungjawab ke atas

traksaksi yang kita buat. Pasti akan memberikan kesan buruk kepada orang tersebut. Hilang rasa percaya dia kepada kita. Perkara ini tak bagus dan dilarang dalam agama.”PH4

“Ya, saya tahu. First kebanyakan klien ialah dari kepercayaan dari kita, kemudian dia akan recommend kita. Bila saya beretika, kepercayaan akan meningkat dan juga menyebabkan klien lebih percaya. Contohnya kalau kita bertanggungjawab dengan kerja kita klien kita akan happy. Owner akan happy dengan kita selama setahun kita berurusan dengan owner. Klien pun akan happy. Kedua, customer akan percaya dengan hasil kerja kita. So pada masa akan datang dia akan recommend kita. Kepercayaan klien akan meningkat.”PH8

Malah, ada responden yang menghubungkan sikap dan nilai etika yang mulia dengan disiplin, servis yang baik dan profesionalisme seperti PH7

“Ya sebab bila kita berdisiplin dengan klien, mereka akan mudah percaya dengan servis kita dan perniagaan kita akan long term dengan klien PH7

Keselesaian berurusan

Selain dari membentuk kepercayaan, pematuhan etika juga dilihat akan memudahkan urusan dan melahirkan keselesaan dalam hubungan perunding dengan pelanggan.

“Kesannya buyer / tenant akan selesa dengan kita. Kita jujur dengan dia, dia akan jadikan kita macam kawan atau kawan baik.” PH2

“Dalam urusanniaga kita perlu beretika supaya customer selesa dengan kita. Maksudnya wujudkan suasana

etika ketika bawa customer tengok rumah. Masa itu customer akan mula selesa dengan kita.” PH7

Melalui keselesaan berurusan ini, keselesaan dapat dicapai dan imej para perunding dapat dipertahankan.

Rekomendasi atau cadangan susulan

Dengan adanya sifat kepercayaan dalam kalangan pelanggan dan majikan, ini akan membawa kepada kesan yang ketiga iaitu rekomendasi (pelanggan) yang berterusan. Ini amat penting kepada para Perunding Hartanah. Sebagai suatu perniagaan, mereka memerlukan imej yang baik agar pelanggan dan majikan aka terus memilih mereka sebagai perunding apabila ingin berurusan. Perunding Hartanah yang beretika akan memberikan perkhidmatan akan disenangi dan sekaligus dicari oleh pelanggan secara berterusan melalui “words of mouth” atau pemasaran dari mulut ke mulut.

“...then bila kepercayaan tu dah ada kita boleh dapat free marketing. Maksudnya macam words of mouth, orang tu boleh recommend.” PH1

“Dalam urusan kita perlu beretika supaya customer selesa dengan kita. Maksudnya wujudkan suasana etika ketika bawa customer tengok rumah. Masa itu customer akan mula selesa dengan kita. Selepas itu, mungkin customer tadi tu akan recommend saya pada kawan-kawan dia. Untuk long term business.”PH7

“Contohnya kalau kita bertanggungjawab dengan kerja kita klien kita akan happy. Owner akan happy dengan kita selama setahun kita berurusan dengan owner. Klien pun akan happy. Kedua, customer akan percaya dengan hasil kerja kita. So pada masa akan datang dia akan recommend kita. Kepercayaan klien akan meningkat.”PH9

Justeru, pematuhan etika bukan sahaj bertindak sebagai pemenuhan tanggungjawab sebagai seorang Muslim bahkan membawa kepada pemasaran hartanah yang berterusan kerana kepuasan pelanggan yang tinggi dan rekomendasi yang berterusan.

Reputasi yang baik

Seterusnya, reputasi yang baik merupakan kesan kepada pematuhan etika para Perunding Hartanah. Perunding Hartanah harus menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat kerana segala tindakan mereka diperhatikan. Tambahan pula, bidang hartanah merupakan bidang yang sangat kompetitif dengan persaingan yang tinggi. Maka mereka perlu menjaga reputasi mereka supaya tidak tercemar. Penjelasan para responden juga menegaskan bahawa jika nama syarikat tercemar, rakan sekerja yang lain akan mendapat tempias juga.

“Kena fikirlah sebab macam saya cakap kita offer servis, bila servis ni maksudnya kita deal dengan manusia. So ... tindak tanduk kita atau apa yang kita buat dengan orang tu semua akan diperhatikan, dan akan di judge, sama ada oleh customer itu sendiri atau orang luar. So kalau kita buat benda yang tak beretika. Satu, kita nampak buruk di mata customer, dan confirm kita akan dapat bad reputation, serta memberi kesan terhadap company sebab kita represent company. Jadi orang akan kenal saya dari nama company saya. Ini akan effect pada company, pada diri sendiri. Bila reputation buruk, orang buat keje pun dah susah.”PH1

“Perlu sebab kita tak nak busukkan nama kita. One day kalau customer tanya siapa Amirul customer tahu Amirul takkan tipu orang. Tujuan utama nak jaga nama baik saya dan company. Contoh kalau macam kita pusing atau tipu duit customer kat situ akan nampak impak yang bad attitude dan akan membuat kita bersalah.”PH2

“Mesti memberi kesan. Kesan yang teramat kalau tidak beretika. Kita bekerja sebagai pegawai hartanah bukan bekerja sorang-sorang. Kita bekerja ada team, ada group, kita ada cobroke dengan company lain jadi etika tu sangat penting. Contoh kita group A tapi salah seorang dari group A ada buat hal, nanti yang lain pun akan jadi yang sama. Jadi ianya memberi kesan. Kejujuran. Kalau team tak jujur nanti satu team akan terkesan. Company juga akan mendapat kesan yang sama.”PH5

Memudahkan urusan kerja

Kesan yang terakhir adalah memudahkan urusan kerja yang melibatkan banyak pihak. Perunding Hartanah yang mengamalkan nilai-nilai etika yang betul dapat memudahkan urusan sesebuah syarikat. Etika sangat ditekankan sebagai keperluan kepada nilai yang perlu dilaksanakan oleh syarikat. Ini dibuktikan dari jawapan yang diterima oleh PH5 semasa temu bual dijalankan iaitu kesan kepada tindakan beretika memudahkan beliau untuk lebih berjaya, berkomunikasi dengan pelanggan dan memudahkan urusan kerja. Manakala PH6 menyatakan tindakan beretika membantu memudahkan urusan pelanggan dengan menyediakan prosedur yang mudah difahami oleh pelanggan. Akhir sekali PH8 dan PH10 juga memberikan kesan yang sama iaitu memudahkan urusan pelanggan dan urusan berkaitan traksaksi yang dilakukan.

“Saya kalau boleh, setiap apa yang saya lakukan etika dalam pekerjaan saya supaya memudahkan urusan customer dan diri saya. Contoh, kalau kita tak menyenangkan customer kemudian hari dia akan menyusahkan kita. Contoh, customer beritahu apa yang dia nak, bila tak dapat apa yang dia mahukan pasti dia akan menentang kita. Kalau boleh kita nak apa yang kita lakukan tu smooth tanpa perselisihan faham.”PH6

“Kita menyenangkan urusan dia. Dapat memberikan khidmat terbaik. Dapat keberkatan selain dari itu sebagai seorang muslim.” PH8

“Yang pertama memudahkan urusan urusanniaga, yang kedua mendapat rekemendasi dari klien dan yang ketiga adalah servis yang berpanjangan.” PH10

Justeru, dapatlah kita simpulkan juga bahawa dengan menghayati dan mengamalkan etika kerja Islami, para Perunding Hartanah juga dapat memudahkan urusan mereka dalam urusanniaga dan pemasaran. Ini sangat signifikan bagi meneruskan kerjaya mereka sebagai Perunding Hartanah. Ini menunjukkan bahawa pengamalan etika kerja yang baik bukan sahaja meningkatkan ketundukan seseorang kepada Tuahn bahkan memudahkan urusannyay sesame manusia.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Pemahaman Dan Pengamalan Etika Dalam Kalangan Perunding Hartanah

Hasil dari pengumpulan dan analisi data, beberapa nilai etika telah difahami sebagai tonggak nilai etika bagi Perunding Hartanah di daerah Johor Bahru. Nilai-nilai ini dapat dilihat seperti di bawah:



Rajah 1. Nilai Etika dalam kalangan Perunding Hartanah

Nilai etika yang difahami dan diamalkan

Dalam gambarajah di sebelah, kita dapat rumuskan bahawa terdapat 5 nilai etika kerja Islam utama yang mendasari pemahamn (konsep) dan pengamalan etika dalam kalangan para Perunding Hartanah di Johor Bahru. Ianya merangkumi sikap amanah, kejujuran dan ketelusan, bertanggungjawab, professional dan perpaduan, kerjasama dan bertolak ansur. Rashidi Bin Abbas et.el. (2014) menyatakan pemahaman dan konsep etika dan integriti cenderung kepada persepsi seseorang individu. Imam al-Ghazali (2003) berpendapat asas kekuatan dan perpaduan masyarakat serta kestabilan negara bergantung kepada sifat amanah. Amanah merangkumi hubungan tuhan dan manusia serta manusia dan manusia. Amanah seorang pekerja adalah sifat tidak menipu, tidak mengkhianati kepercayaan pelanggan dan syarikat, tidak melakukan salah laku berkaitan wang dan sebagainya. Ini disokong oleh Megat Ayop dan Abd. Halim (2014) yang menjelaskan bahawa Islam sentiasa mengajar umatnya supaya memegang sifat amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul. Pernyataan ini disokong oleh PH8 yang mengaitkan amanah sebagai ajaran Islam yang telah diterapkan

dari sejak dulu lagi. PH8 juga menyatakan amanah akan membantu individu untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَخُوْنُوْا اللّٰهَ وَرَسُوْلَهٗ وَتَخُوْنُوْا اٰمَنٰتِكُمْ
وَ اَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٢٧﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). (Al-Anfaal 8:27)

Jelas bahawa Allah SWT sangat mementingkan bahawa sikap beramanah dan memberikan amaran yang keras terhadap mereka yang pecah amanah. Gejala pecah amanah ini mampu menghancurkan individu, organisasi, masyarakat dan Negara. Perintah Tuhan ini juga dapat kita lihat dalam sabda Nabi Muhammad SAW seperti di bawah:

“Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Begitu pentingnya sifat amanah ini sehingga Rasulullah SAW mengindikasikan bahawa mereka yang tidak amanah itu adalah tanda orang munafik, suatu golongan manusia yang ditempelak oleh agama Islam dan akan menduduki neraka jahanam.

اِنَّ الْمُنٰفِقِيْنَ فِي الدَّرَكِ الْاَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ نَصِيْرًا ﴿١٤٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terke bawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka. (An-Nisaa' 4:145)

Sikap pecah amanah yang dikatikan dengan sikap seorang munafik diberi amaran amat keras sehingga dijanjikan dengan tempat dalam lapisan paling bawah dalam api neraka. Justeru, pengamalan sifat amanah dalam kalangan para Perunding Hartanah sangat bertepatan dengan kehendak Islam. Bukan sahaja demikian, kita dapati sikap ini juga akan membawa kepada kepercayaan dalam kalangan pelanggan dan akan memudahkan urusan perniagaan di hari muka.

Selanjutnya ialah sikap kejujuran dan ketelusan. Rashidi et.al. (2014) menjelaskan bahawa Imam al-Ghazali membincangkan betapa kejujuran merupakan asas kepada akhlak mulia. Seorang mukmin itu ialah seorang yang jujur, berkata benar dan tidak menipu atau berbohong. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis:

“Sesungguhnya kejujuran itu membawa kepada kebaikan dan sesungguhnya kebaikan membawa kepada syurga. Sesungguhnya (apabila) seseorang itu melazimkan dirinya dengan kejujuran, nescaya dia akan dikenali sebagai orang yang jujur. Manakala kedustaan membawa kepada kejahatan dan sesungguhnya kejahatan membawa kepada neraka. Sesungguhnya tidaklah seseorang itu melazimkan dirinya dengan kedustaan melainkan dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta.” (Riwayat al-Bukhari)

Bermulanya sifat jujur adalah sifat junjungan besar Nabi Muhammad SAW sehingga baginda diberikan gelaran al-Siddiq dan al-Amin oleh masyarakat Arab meskipun sebelum diangkat sebagai Nabi. Menurut Abdul Samad, Muhammad (2014), akhlak mulia semasa menjalankan pekerjaan atau perniagaan adalah menepati masa dan jujur. Pernyataan ini sesuai dengan hadis Nabi SAW di bawah tentang jujur dalam aktiviti perniagaan telah dijanjikan tempatnya pada hari akhirat.

"Seorang pedagang yang jujur lagi dapat dipercayai akan dikumpulkan bersama para nabi, para shiddiq

dan orang-orang yang mati syahid pada hari kiamat”.
(Riwayat Ibn Majah)

Pentingnya sikap jujur dan telus ini sehingga ganjarannya disamakan dengan ganjaran para shiddiqin (orang yang benar) dan syuhada' (mereka yang mati syahid). Oleh yang demikian, pengamalan konsep ini dalam kalangan para Perunding Hartanah amatlah selari dengan tuntutan syara'. Sebagai contoh PH2, PH5, PH8 dan PH9 menyatakan bahawa mengutamakan kejujuran di dalam diri mereka dan mempraktikkan dalam urusan transaksi setiap hari serta menyatakan syarikat mereka bekerja menegaskan kepentingan sikap jujur dan telus di dalam organisasi.

Seterusnya, para Perunding Hartanah memahami dan mengamalkan sikap bertanggungjawab. Kebertanggungjawaban merupakan asas kepada kejayaan sesuatu organisasi kerana dengan melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna, setiap tugas akan dapat dilaksanakan dengan sempurna, iklim organisasi akan meningkat, semangat kerja berpasukan akan membaik serta pelanggan akan berpuashati. Sebuah hadis yang panjang riwayat Imam al Bukhari telah menjelaskan hal tersebut seperti di bawah:

“Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu juga akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Ketua atau imam adalah pemimpin dan ia akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Suami adalah pemimpin dalam keluarganya dan dia akan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Isteri juga pemimpin dalam mengendalikan rumah tangga suaminya dan dia juga akan ditanya tentang apa yang dipimpinnya, dan pembantu rumah tangga juga pemimpin dalam mengawasi harta benda majikannya dan dia juga akan ditanya tentang apa yang dipertanggungjawabkan kepadanya.” (Riwayat al-Bukhari)

Berbanding dengan perspektif Barat yang selalu menekankan hak individu, kesama-rataan dan kebebasan, Islam lebih menekankan sifat kebertanggungjawaban dan melunaskan tanggungjawab kepada semua lapisan masyarakat. Setiap individu manusia mempunyai dimensi tanggungjawab yang berbeza dan dalam konteks yang pelbagai, justeru kesemua tanggungjawab tersebut haruslah dilaksanakan dan akan dipersoalkan di akhirat kelak. (Haron Din, 1990). Islam amat menitik-beratkan sikap bertanggungjawab kerana manusia dihantar ke mukabumi ini pun adalah berdasarkan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah dan khalifah Allah SWT seperti mana yang telah dinyatakan dalam al Quran. Nabi menambah dalam sebuah hadis:

“Salman Al-Farisi berkata Nabi SAW bersabda, “Tuhanmu itu mempunyai hak atasmu, dirimu juga mempunyai hak atasmu, dan keluargamu juga mempunyai hak atasmu. Maka tunaikan hak-hak itu kepada empunya haknya”. (Riwayat Imam at Tirmizi)

Jelaslah bahawa tanggungjawab itu adalah sesuatu yang amat dituntut oleh syariat Islam, dengan melaksanakan nilai etika ini, para Perunding Hartanah telah menunjukkan komitmen mereka bukan sahaja kepada profesion mereka bahkan kepada agama Islam. Sheikh Abdullah Basmeih (2010) menyatakan bahawa seseorang yang professional perlulah mempunyai sikap bertanggungjawab atas segala tindakan yang dilakukan supaya menjadi piawai standard. Dalam kajian ini, PH2 telah menyatakan bahawa setiap pelanggan merupakan tanggungjawab beliau sebagai Perunding Hartanah. Manakala PH3 pula menjelaskan bertanggungjawab ialah menepati masa yang mencerminkan imej seorang Perunding Hartanah dan bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja dengan telus. Komited terhadap kerja juga merupakan suatu yang boleh dikaitkan dengan bertanggungjawab menurut PH5. PH9 juga bersependapat dengan PH3 di mana Perunding Hartanah bertanggungjawab untuk menepati masa dan bertanggungjawab terhadap transaksi yang dilakukan semasa bekerja. Amanah yang dipertanggungjawabkan perlulah dilaksanakan dengan betul.

Nilai etika seterusnya ialah profesionalisme. Para responden setuju bahawa profesionalisme yang dimaksudkan termasuk penampilan dan pakaian, bahasa yang lemah-lembut dan beradab sopan serta melayani para pelanggan dengan sikap yang objektif adalah penting dalam profesion mereka. Sikap professional ini bolehlah diqiaskan sebagai usaha kerja yang cemerlang, bersungguh-sungguh dan tekun serta tidak lari dari kebertanggungjawaban seperti di atas. Dalam hal ini suatu hadis daripada Aisyah R.Anha, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang.”
(Riwayat al-Tabarani)

Ramai berbicara tentang sikap profesionalisme dari perspektif konvensional dan Barat yang menggambarkan sikap tekun, tidak bias, objektif dan cekap dalam pekerjaan. Bagaimanapun ini bukanlah sesuatu yang baru dalam Islam. Islam sejak 1400 tahun yang lalu telah menekankan konsep Itqan, suatu konsep menghampiri profesionalisme bahkan lebih lagi kerana ianya mempunyai perspektif tauhidik padanya. Sikap profesionalisme dalam kalangan umat Islam dihayati bukan sahaja bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan, bahkan merupakan suatu yang diawasi oleh Tuhan. Islam mementingkan kecekapan dan integrity dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan mahupun masyarakat. Ini membentuk keperibadian Muslim yang utuh (Mohamad Ghazali dan No r’Azzah, 2015). Oleh yang demikian, sikap profesionalisme yang diamalkan dalam kalangan para Perunding Hartanah ini sangat dituntut oleh syarak.

Noryati (2013), membincangkan profesional berdasarkan kepada garis panduan untuk meningkatkan disiplin, kualiti dan produktiviti semasa berkhidmat dan menekankan semua peraturan, peranan dan nilai dalam sesuatu profesyen. Ini bersesuaian dengan respons oleh PH2 berkaitan profesionalisme ialah memberi informasi yang betul dan tepat kepada pelanggan. Menurut Zawiah et.al. (2018) kemahiran, tingkahlaku dan sikap dalam individu semasa bekerja adalah gambaran profesionalisme. Dalam hal ini, PH3 dan PH10 menghuraikan bahawa etika

pakaian yang perlu dititik beratkan yang kemas dan teratur, melambangkan tahap profesional seseorang. Bertutur yang sopan dan berbudi bahasa juga merupakan etika profesional seseorang Perunding Hartanah menurut PH9. Nilai etika yang terakhir ialah bekerjasama dan bertolak ansur. Nilai ini akan melahirkan semangat perpaduan dalam kalangan para Perunding Hartanah. Azlina, Mohd Mahadee dan Mansor (2016) membincangkan faktor kepelbagaian sebagai halangan kepada perpaduan di Malaysia. Latar belakang yang berbeza dalam kalangan anggota masyarakat dan organisasi boleh menyebabkan perpecahan dan kegagalan mencapai objektif bersama. Justeru adalah perlu semangat bekerjasama, bertolak ansur dan bantu-membantu dipupuk dalam organisasi dan masyarakat. Ini sesuai dengan ayat al Quran:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّوا شَعْتِيرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ
وَلَا الْقَلَئِدَ وَلَا ءَامِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا
وَإِذَا حَالَتْكُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ
عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا
تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾


Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haraam, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaannya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci); dan apabila kamu telah

selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari masjid Al-Haraam itu - mendorong kamu mencero boh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya” (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). (Al-Maaidah: ayat 2)

Islam memerintahkan umatnya untuk bertolong-tolongan, bekerjasama pada jalan kebaikan, kebajikan dan menjauhi pertolongan kea rah permusuhan dan maksiat. Kesemua responden bekerja di syarikat yang mempunyai latar belakang pekerja yang pelbagai kaum dan agama. Dalam hal ini, mereka mengakui bahawa konsep perpaduan, bekerjasama dan bertolak ansur amat membantu dalam memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan baik dan perpaduan dapat dipupuk. Semangat berpasukan membantu rakan sekerja akan melahirkan perasaan lebih selesa semasa bekerja menurut PH4. PH7 pula menyatakan bahawa beliau menerapkan kerjasama antara rakan sekerja supaya dapat membantu beliau semasa bekerja. Beliau juga menyatakan bahawa syarikat tempat beliau bekerja dari awal telah menerapkan perpaduan supaya lebih senang berinteraksi dan bekerjasama. Keharmonian wujud dari parpaduan dan kerjasama dalam kalangan Perunding Hartanah seperti dinyatakan oleh PH8. Sementara itu PH10 pula menyatakan bahawa bekerja sebagai Perunding Hartanah perlu mempunyai sikap bertolak ansur kerana melibatkan banyak pihak. Begitulah lima konsep etika dan pengamalannya yang telah diterapkan oleh para Perunding Hartanah. Bahagian seterusnya akan membicarakan kesan pengamalan etika tersebut kepada mereka.

Kesan Pengamalan Etika Islam dalam kalangan Perunding Hartanah

Dari respon para Perunding Hartanah, dapat dirumuskan bahawa terdapat lima kesan pengamalan etika kerja Islam kepada mereka sama ada sebagai individu Muslim mahupun sebagai seorang yang bekerjaya sebagai seorang Perunding Hartanah. Ianya dapat dilihat dalam rajah di bawah:



Rajah 2. Kesan Pengamalan Etika Kerja Islam kepada Perunding Hartanah

Kesan yang pertama yang telah dibincangkan oleh para responden ialah kepercayaan. Kesan dari pengamalan etika kerja Islam dalam kalangan para Perunding Hartanah, mereka telah mendapat kepercayaan dari majikan dan pelanggan mereka. Megat Ayop dan Abd. Halim (2016) berpandangan bahawa kepercayaan masyarakat akan diperolehi sekiranya integriti dan etika difahami dan ditanam menjadi amalan baik yang berterusan dalam organisasi. Kepercayaan dapat dibina dari hubungan individu yang berintegriti dengan rakan-rakan sekerja, penyelia, ketua, organisasi dan masyarakat. Ini juga dapat dilihat dari sifat seorang nabi iaitu sidiq (benar), amanah, tabligh (menyampaikan) dan fathonah (bijaksana). Melalui sifat ini, Nabi Muhammad SAW telah meraih kepercayaan orang-orang Mekah walaupun dalam

kalangan orang-orang musyrik jahiliyah dan orang Yahudi (Mahmud al Misri, 2014). Ini juga selari dengan pengalaman para responden. Sebagai contoh PH1 menyatakan Perunding Hartanah yang beretika akan mendapat kepercayaan dari pelanggan dengan mudah dan kepercayaan yang diberikan akan menyenangkan urusan transaksi serta dapat mengelakkan masalah-masalah yang tidak sepatutnya berlaku. PH2 pula menjelaskan pematuhan etika dalam menjalankan tugas dengan amanah akan menggembarakan pelanggan dan kesannya mendapat kepercayaan dari pelanggan. Tambahan pula, menurut PH3 kesan mengamalkan etika adalah mendapat kepercayaan dari masyarakat. PH5 pula menyatakan kepercayaan dalam bidang hartanah penting supaya memudahkan transaksi yang dijalankan.

Dengan kepercayaan yang terbentuk, urusanniaga akan menjadi suatu pengalaman yang menyenangkan. Sebuah organisasi yang mempunyai keupayaan untuk menyediakan keselesaan, maklumat yang tepat dan fleksibiliti untuk membuat keputusan kepada pelanggan akan sentiasa menjadi pilihan utama pelanggan (Mohd Faiz dan Lee, 2011). Islam adalah agama yang amat mementingkan keselesaan, kemudahan dan kegembiraan. Ini tergambar dalam hadis Nabi SAW:

Maksudnya, “Pudahkan jangan menyusahkan, beri khabar gembira bukan menakutkan”. (Riwayat Imam Ahmad).

Justeru, amalan beretika yang boleh membawa kepada keselesaan dan kemudahan adalah selari dengan kehendak syarak. Islam mewajibkan pengendalian hubungan yang baik. Ini menunjukkan setiap pekerjaan yang dilakukan perlu memberi keselesaan antara semua pihak. Kepercayaan dan keyakinan pelanggan termasuk keupayaan, pengetahuan dan budi bahasa. Kredibiliti, komunikasi yang baik, kompetensi dan berbudi bahasa akan mewujudkan jaminan kepercayaan, serta perasaan selesa dalam diri pelanggan kepada servis yang diberikan. Sebagai contoh PH2, PH7 dan PH10 menyatakan bahawa kesan kepada tindakan beretika ialah pelanggan akan berasa selesa berinteraksi semasa transaksi dilakukan. Pelanggan yang selesa akan membantu memelihara kerjaya sebagai Perunding Hartanah.

Apabila kepercayaan terbentuk dan keselsaan dapat diberikan dalam transaksi, ini akan melahirkan rekomendasi yang berterusan. Rekomendasi merupakan kekuatan atau kelebihan yang membantu Perunding Hartanah untuk mengembangkan kerjaya mereka. Rekomendasi akan membantu mereka meningkatkan jualan. Individu yang mengamalkan etika dalam bidang hartanah seringkali menjadi kegemaran pelanggan atau masyarakat. Pemasaran dalam abad ke-21 ini boleh juga berlaku secara atas talian dan dalam media sosial. Masyarakat lebih cenderung untuk menceritakan pengalaman mereka di media sosial, maka lebih mudah untuk memberi pujian dan mencadangkan agen tersebut berdasarkan servis yang telah mereka terima. Menurut Gary Armstrong dan Philip Kotler (2017), rekomendasi oleh para pelanggan merupakan strategi pemasaran perkhidmatan yang amat berkesan. PH1, PH6, PH7 dan PH9 mengakui bahawa kesan kepada pematuhan etika ialah rekemendasi pelanggan kepada masyarakat, kenalan dan keluarga mereka. Menurut PH1 pematuhan etika membantu beliau mendapat kepercayaan dan '*free marketing*' dari pelanggan beliau. Kesan kepada pematuhan etika juga membantu mengembangkan kerjaya beliau. Manakala PH7 pula menyatakan, pada jangka masa panjang pelanggan mampu menyebarkan amalan etika yang dilakukan oleh beliau. Selanjutnya PH7, PH9 dan PH10 menyatakan kesan kepercayaan pelanggan kepada mereka ialah pelanggan akan mengesyorkan servis mereka kepada kenalan dan keluarga. Ini akan membantu Perunding Hartanah membina reputasi dan mengembangkan kerjaya mereka. Reputasi adalah kesan seterusnya kepada pengamalan etika kerja Islam dalam kalangan Perunding Hartanah. Menurut Mohd Mizan (2012) kesalahan etika boleh menyebabkan reputasi sesebuah organisasi akan terkesan dan ianya akan menjejaskan imej dan pendapatan organisasi. Organisasi harus sentiasa diyakini dan relevan di mata pelanggan supaya reputasi organisasi sentiasa teguh dan tidak digugat. Sikap, tindakan dan tingkahlaku para Perunding Hartanah menjadi perhatian pelanggan, justeru para Perunding Hartanah perlu menjaga imej dan reputasi supaya tidak tercemar dan menjejaskan kerjaya rakan-rakan yang lain. Ini dinyatakan oleh PH2, PH3 dan PH5. Para Perunding Hartanah juga mewakili syarikat mereka, oleh yang demikian ketidak

patuhan etika juga akan mempengaruhi imej dan reputasi majikan dan organisasi (Mohd Janib, 2001).

Pematuhan etika juga akan memudahkan urusan kerja di masa hadapan. Perunding Hartanah yang mengamalkan nilai-nilai etika yang betul dapat memudahkan urusan pelanggan, syarikat dan masyarakat. Apabila pematuhan etika adalah tinggi, kepercayaan dan reputasi baik terbina justeru akan memudahkan urusan di masa akan datang kerana kepercayaan yang telah dibentuk. Ini rata-rata dikongsi oleh para responden termasuk PH5, PH6, PH 8 dan PH10. Pematuhan etika yang tinggi mampu memudahkan urusan transaksi dan mendapat keberkatan serta membawa kepada servis yang berpanjangan pada masa akan datang (Mohd Faizal et. al, 2014)

KESIMPULAN KAJIAN

Secara umumnya, para Perunding Hartanah adalah jelas tentang nilai etika yang harus diamalkan, hubungannya dengan hidup beragama serta kesan pematuhan etika terhadap profesion kerja mereka dan hidup sebagai seorang Muslim. Dari segi pematuhan etika pula, pengkaji mendapati pematuhan etika dalam kalangan Perunding Hartanah adalah sangat tinggi kerana ini perlu bagi mencerminkan imej dan reputasi yang baik untuk mengembangkan kerjaya mereka. Integriti sering dikaitkan dengan rasuah, penyelewengan, penipuan, salah guna kuasa atau salah laku yang berkaitan wang ringgit. Oleh kerana urusan Perunding Hartanah banyak melibatkan urusan kewangan dan tansaksi wang ringgit, pematuhan etika yang tinggi adalah diperlukan agar kepercayaan dapat dipupuk dan reputasi dapat dibina (Quirrez dan Idian, 2014). Pemahaman dan pematuhan terhadap etika kerja Islam dalam kalangan Perunding Hartanah di Johor Bahru adalah penting kerana bidang perniagaan ini menghadapi persaingan yang tinggi dalam perubahan pasaran yang mencabar. Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, kita dituntut meningkatkan integrity dan akhlak diri sesuai dengan misi kebangkitan Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis:

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.” Riwayat Imam al-Bukhari, Imam Ahmad dan Imam al-Baihaqi.

RUJUKAN

- Adam Briggs., (2012)., *Ethics and Science: An Introduction.*, Cambridge University Press: London
- Atiya Alshammari and Naser Almutair., (2015)., *Ethical Leadership: The Effect on Employees.*, *International Journal of Business and Management* 10(3)., February 2015.
- Al Ghazali (Imam)., (2003)., *Mukhtasar Ihya ‘Ulumiddin.*, (Zaid Husein, terj)., Darul Nu'man: Kuala Lumpur
- David Copp., (2007)., *The Oxford Handbook of Ethical Theory.*, Oxford University Press: Oxford
- Dian Wicaksono, Ebieta Ade Noviansary, Novia Nur Anggraini dan Tri Mugiarti. (2018). *Pengertian Dan Teori-Teori Etika.* Retrieved from https://www.academia.edu/36536866/PENGERTIAN_DAN_TEORI_TEORI_ETIKA
- Douglas Birsch., (2013)., *Introduction to Ethical Theories: A Procedural Approach (1st Edition).*, Waveland Press:
-
- Gary Armstrong and Philip Kotler., (2017)., *Principles of Marketing.*, Pearson Education: London
- Gordon Graham and Henry Luce III., (2004)., *Eight Theories of Ethics.*, Psychology Press: London
- Hamka (Haji Abdul Karim Amrullah)., (2018)., *Sejarah Umat Islam.*, PTS Publications: Janda Baik
- Haron Din., (1990)., *Manusia dan Islam.*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Jacqueline Whitmore., (2005)., *Business Class: Etiquette Essentials for Success at Work.*, St. Martin's Press: _____
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (1992), *Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam Malaysia*, INTAN: Kuala Lumpur
- Jalaludin as Suyuti (Imam) (2014). *Tarikh al Khulafa.* (Muhamad Ali Nurdin terj.)., Qishti Press: Jakarta.

- Jessie Quierrez and Ronnie A Idian., (2018)., Business Ethics: Impact to Employee and Productivity., Global Association for Humanities and Social Science Research (Conference Proceedings)., July 2018., Polytechnic University of the Philippines
- Leny Novianti, Hendra Gunawan. (2010). Pengaruh Etika Kerja Islam dan Etika Bisnis Terhadap Komitmen Organisasi dengan Komitmen Profesi Sebagai Variabel Intervening. Jurnal Manajemen Teori dan Terapan, Tahun 3, No. 2, Agustus 2010,
- Mahmud al Misri., (2014)., Akhlak Rasulullah SAW., Aras Mega: Kajang
- Manggai, B.A. Thukiman, K.B. Othman, M.F.B. Majid, M.K., The mediating effect of organization commitment and religiosity on transformational leadership style and post-conventional ethical decision making in the Malaysian public sector., International Journal of Recent Technology and Engineering, (Special Issue 2017), pp. – 296-301
- Mohammad Maiwan. (2018). Memahami Teori-Teori Etika: Cakrawala Dan Pandangan. Retrieved From https://www.researchgate.net/publication/341186550_memahami_teor-teori_etika_cakrawala_dan_pandangan
- Mohd. Faizal P.Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, Suhaida Mohd. Amin. (2014). Etika Perniagaan Islam: Pengalaman Usahawan Muslim di Melaka. PROSIDING PERKEM ke-9 (2014) 442 - 450. ISSN: 2231-962X. Retrieved from http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_3C2.pdf
- Mohd Janib Johari., (2001)., Etika Profesional., Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM Press): Sekudai
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi(eds) (2021)., Etika dalam kalangan Penjawat Awam., UTM Press: Sekudai
- Mohammad Ghozali dan Nor ‘Azzah Kamri., (2015)., Islamic Personality and Professionalism at Work: A Theoretical Analysis., Shariah Journal, Vol. 23, No. 2 (2015) 255-286
- Muhammad Mustakim Mohamed Noh, Siti Arni Basir dan Wan Norhasniah Wan Husin. (2014). Strategi dan Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI): Kajian

- Kes di JCorp. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Retrieved from <http://www.gjat.my/gjat062014/5820140401.pdf>
- Nader Soleimani, Behrooz NiazAzari. (2011). *A study on the relationship between job ethics with job satisfaction and job stress among the staff of vocational education organization in Tehran*. 2011 International Conference on Social Science and Humanity IPEDR vol.5 (2011) © (2011) IACSIT Press, Singapore. Retrieved from <http://www.ipedr.com/vol5/no1/107-H10050.pdf>
- Nurul Hudani Md Naw, Baharudin Othman (2018). Konsep Moral dalam Perspektif Islam dan Barat. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/13807/1/329-Article%20Text-1157-3-10-20190109.pdf>
- Qistina Balkis Binti Mohd Yusof. (2017). Pengamalan Etika Kerja Islam: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP). Retrieved from <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/19118/1/pbmsk-2017-rashidi-Pengamalan%20Etika%20Kerja%20Islam%20Kajian%20Dalam%20Kalangan%20Pelajar.pdf>
- Samir Ahmad Abuznaid., (2009)., Business ethics in Islam: the glaring gap in practice., International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management: November 2009
- Sharifah Hayaati Ismail al-Qudsy., (2010)., Etika Penjawat Awam dari Perspektif Islam., Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman dan Mohd Izani Mohd Zain., Efektif Governan dan Perlaksanaannya dalam Pentadbiran Islam., Jurnal Syariah; Jil. 16, Keluaran Khas (2008) 465-496
- Shawqi Abd Khalil (2018). Toleransi dalam Islam: Prinsip dan Aplikasi. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM): Kajang.
- Sumasno Hadi. (2015). Studi Etika Tentang Ajaran-Ajaran Moral Masyarakat Banjar. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/303909821_Studi_Etika_Tentang_Ajaran-Ajaran_Moral_Masyarakat_Banjar
- Umarwira Bin Dandi. (2012). Tahap kesedaran dan amalan etika kerja Islam dalam kalangan pekerja majikan: Kajian kes

Lembaga Tabung Haji Sabah. Masters thesis, Universiti
Malaysia Sabah. Retrieved from
<http://eprints.ums.edu.my/11850/>

Wahyudi, Amin, Haryono, Tulus, Riani, Asri, Harsono, Mugi.
(30/09/2013). *The Impact of Work Ethics on Performance
Using Job Satisfaction and Affective Commitment as Mediating
Variables: Evidence from Lecturers in Central Java*. Issues in
Social and Environmental Accounting, ISSN 1978-0591
(Paper), Vol. 7, No. 3 September 2013 Pp. 165-184. Retrieved
from

https://www.researchgate.net/publication/312131168_The_Impact_of_Work_Ethics_on_Performance_Using_Job_Satisfaction_and_Affective_Commitment_as_Mediating_Variables_Evidences_from_Lecturers_in_Central_Java